Libat Urus Antarabangsa

Pada tahun 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) mempergiat libat urus pada peringkat antarabangsa untuk menyokong mandat dan mengukuhkan kepentingan strategik BNM. Sepanjang tahun tersebut, BNM telah meraih pencapaian yang signifikan melalui pelbagai platform antarabangsa. Pencapaian ini memperteguh kedudukan BNM sebagai pihak yang aktif dalam usaha memperkukuh kerjasama dan memperdalam integrasi kewangan pada peringkat serantau dan global. Usaha ini juga mustahak dalam membentuk asas Kepengerusian ASEAN Malaysia pada tahun 2025.

Memperkukuh Kerjasama dalam Landskap Global yang Mengalami Polarisasi

Mendepani ketidaktentuan ekonomi global yang masih berterusan dan berlatarkan landskap global yang semakin mengalami polarisasi, keutamaan BNM adalah untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan rakan sejawat lain serta dengan forum dan institusi utama bagi memperteguh daya tahan ekonomi dan kewangan di samping meneroka peluang baharu. Sepanjang tahun 2024, BNM berinteraksi secara aktif dengan rakan sejawat serantau secara dua hala dan menerusi forum serantau seperti ASEAN, ASEAN+3 dan EMEAP, serta institusi global seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), Bank Dunia (World Bank) dan Bank for International Settlements (BIS).

Pada peringkat dua hala, BNM telah bersetuju untuk mengeratkan lagi kerjasama dalam sektor kewangan Islam, kelestarian dan pendigitalan bersama-sama dengan Hong Kong Monetary Authority, Bank Indonesia, Monetary Authority of Singapore serta Otoritas Jasa Keuangan Indonesia (OJK). Secara keseluruhan, libat urus dua hala ini telah memperkasakan kerjasama dalam bidang keutamaan bersama, memperkukuh daya tahan sektor kewangan serta meneroka penyelesaian bagi menghadapi cabaran bersama dalam ruang strategik.



Pengurusan Kanan BNM bersama rakan sejawat mereka dari Hong Kong Monetary Authority semasa mesyuarat dua hala pada 24 Mei 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.



Pengurusan Kanan BNM bersama rakan sejawat mereka dari OJK semasa mesyuarat dua hala pada 27 September 2024 di Jakarta, Indonesia.

Pada peringkat serantau, fokus utama adalah untuk mengurangkan dedahan rantau ini terhadap volatiliti mata wang utama serta menggalakkan lagi perdagangan dan pelaburan. Untuk tujuan ini, BNM bekerjasama

dengan rakan serantau ASEAN untuk mewujudkan Rangka Kerja Transaksi Mata Wang Tempatan (Local Currency Transaction, LCT) ASEAN. Rangka kerja ini menjadi panduan kepada negara anggota ASEAN dalam meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan transaksi mata wang tempatan serta menggalakkan penggunaannya dengan lebih meluas oleh peserta pasaran di rantau ini.

Pada peringkat global, BNM memanfaatkan sesi libat urus bersama Pengarah Urusan IMF semasa Mesyuarat Tahunan IMF untuk menekankan kepentingan memelihara perdagangan global yang terbuka. BNM mengutarakan peranan penting IMF dalam mengetengahkan kelebihan sistem perdagangan yang adil dan berteraskan undang-undang. BNM juga menegaskan tanggungjawab IMF dalam memastikan perdagangan kekal sebagai asas pertumbuhan global dan menggunakan platform IMF untuk menggalakkan negara-negara supaya tidak melaksanakan langkah-langkah sekatan perdagangan.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva dan Menteri Kewangan II Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan di Mesyuarat Tahunan IMF, 21–27 Oktober 2024.

Sumber: Melissa Lyttle | IMF Photo

Mesyuarat Gabenor EMEAP[1] ke-29 dan Mesyuarat Tidak Rasmi Gabenor dan Ketua Badan Penyeliaan EMEAP ke-13

Selaku Pengerusi Mesyuarat, BNM telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Gabenor EMEAP ke-29 dan Mesyuarat Tidak Rasmi Gabenor dan Ketua Badan Penyeliaan EMEAP ke-13 di Pulau Pinang pada 15 Julai 2024. Kedua-dua mesyuarat yang dipengerusikan oleh Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour ini telah menghimpunkan para gabenor bank pusat dan ketua badan penyeliaan serantau untuk bertukar pandangan mengenai cabaran-cabaran utama, termasuk cabaran dalam menguruskan inflasi, volatiliti aliran modal, kestabilan pasaran kewangan serta pengawalan dan penyeliaan.

Tumpuan utama mesyuarat adalah untuk menggiatkan inisiatif untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau. Satu isu penting yang dibincangkan ialah potensi Mata Wang Bank Pusat (Central Bank Digital Currencies, CBDC) untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan. Mesyuarat juga membincangkan cabaran dan penyelesaian untuk menggalakkan lebih banyak penggunaan mata wang tempatan di rantau ini. Berhubung dengan hal ehwal penyeliaan, mesyuarat mempertimbangkan cabaran yang dihadapi dalam usaha melaksanakan peraturan dan piawaian global serta menangani risiko keselamatan siber, penipuan, perubahan iklim dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI).







[1] EMEAP ialah forum kerjasama sebelas bank pusat dan pihak berkuasa kewangan rantau Asia Timur dan Pasifik. Keahliannya terdiri daripada Reserve Bank of Australia, People's Bank of China, Hong Kong Monetary Authority, Bank Indonesia, Bank of Japan, Bank of Korea, Bank Negara Malaysia, Reserve Bank of New Zealand, Bangko Sentral ng Pilipinas, Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand.

Memperteguh Jaringan Keselamatan Kewangan Luaran

Sebagai pelengkap kepada rangkaian instrumen yang melindungi negara daripada kejutan luaran, BNM telah meneruskan usaha untuk mengukuhkan lagi akses Malaysia dan rantau ini kepada jaringan keselamatan kewangan luaran. Tumpuan bagi tahun 2024 adalah untuk meningkatkan lagi kebolehcapaian dan kebolehgunaan jaringan keselamatan kewangan yang sedia ada.

BNM telah memperbaharui perjanjian swap dua hala dengan Bank Indonesia[2] dan Bank of Korea[3] dengan terma yang ditambah baik, secara khususnya untuk menambah baik akses kedua-dua belah pihak kepada kemudahan ini apabila diperlukan.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour dan Gabenor Bank Indonesia (BI) Perry Warjiyo semasa upacara pembaharuan perjanjian swap dua hala antara BNM dengan BI.

Pada peringkat serantau, BNM terus menggalakkan kebolehcapaian yang lebih baik untuk Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM). Pencapaian penting pada tahun 2024 ialah penubuhan Kemudahan Pembiayaan Pantas (Rapid Financing Facility). Kemudahan baharu ini, yang merupakan komponen CMIM, menyediakan dana kecemasan pantas tanpa syarat kepada negara anggota ketika mereka mengalami situasi imbangan pembayaran yang mendesak akibat kejutan luaran yang mendadak seperti bencana alam dan pandemik. Selain itu, BNM kekal sebagai penyokong tegar usaha untuk terus menambah baik struktur pembiayaan modal CMIM dan terus bekerjasama bersama-sama ahli ASEAN+3 untuk memajukan usaha ini. Pada bulan Mei 2024, para Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 mengiktiraf manfaat peralihan CMIM kepada model modal berbayar, yang memusatkan sumber pemberian pinjaman bagi membolehkan pengeluaran dana yang lebih pantas, dan sekali gus meningkatkan keberkesanan CMIM sebagai pengaturan bantuan mandiri serantau.



Delegasi BNM yang mewakili Malaysia pada Mesyuarat Pasukan Petugas ASEAN+3 di Busan, Korea, 11–12 September 2024.



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar, mewakili BNM pada Mesyuarat Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 di Pyeongchang, Korea, 17–18 Disember 2024.

Memaksimumkan Peluang Perdagangan Dan Pelaburan

Sebagai perunding utama Malaysia bagi isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan dalam perjanjian perdagangan dan pelaburan antarabangsa, BNM terus memanfaatkan semua perjanjian ini untuk memberikan peluang pengembangan di luar negara yang lebih besar kepada peserta industri domestik, meningkatkan akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan berkualiti yang lebih luas dan keupayaan teknikal, serta mengukuhkan profil global Malaysia sebagai destinasi pasaran dan pelaburan yang menarik.

Usaha BNM telah menyokong pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-Emiriah Arab Bersatu (Malaysia-United Arab Emirates

[2] Ditandatangani pada 27 September 2024.
[3] Ditandatangani pada 13 Mei 2024.

Comprehensive Economic Partnership Agreement, MY-UAE CEPA), perjanjian pertama Malaysia bersama UAE. Perjanjian ini meningkatkan kerjasama dalam bidang kewangan Islam dan membuka peluang kepada peserta industri kewangan Malaysia untuk berkembang di UAE. BNM juga menyumbang kepada pemuktamadan rundingan isu-isu substantif bagi Perjanjian Naik Taraf Perdagangan Bebas ASEAN-China (ASEAN-China Free Trade Agreement, ACFTA) 3.0, yang menambah baik perjanjian sedia ada antara ASEAN dengan China. ACFTA yang ditambah baik ini mengandungi komitmen moden dalam bidang kelestarian dan pendigitalan yang bersinergi dengan matlamat BNM dan negara.

Menggalakkan Inisiatif Kelestarian

Dalam usaha untuk menggalakkan inisiatif kelestarian, sokongan terhadap peralihan yang adil dan teratur ke arah ekonomi yang lebih lestari kekal menjadi agenda utama BNM.[4] Fokus utama BNM tertumpu pada memastikan perspektif Malaysia dan negara serantau diberi perhatian dan diwakili dengan baik pada peringkat global.

BNM terus memainkan peranan utama dalam membentuk inisiatif kewangan mampan di rantau ASEAN. Sebagai ahli pengasas ASEAN Taxonomy Board, BNM menyumbang kepada penerbitan ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance Versi 3. Versi ini memperkenalkan rangka kerja umum untuk mengelaskan kegiatan ekonomi mampan untuk dua sektor fokus tambahan iaitu Pengangkutan dan Penyimpanan serta Pembinaan dan Harta Tanah.[5]

Sebagai anggota Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS), BNM telah menjadi tuan rumah NGFS Asia Pacific Plenary Outreach pada bulan Disember 2024. Sidang Plenary Outreach ini menjadi medan dialog dalam kalangan pembuat dasar tentang pengalaman pengawalan dan penyeliaan serta keutamaan serantau untuk masa hadapan.

Memajukan Agenda Kewangan Islam di Malaysia

Sepanjang tahun 2024, usaha berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa dalam sektor kewangan Islam.[6]

BNM telah menganjurkan Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) 2024 yang menampilkan perbincangan dasar dan inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa. Resolusi utama telah dicapai, yang tertumpu pada peneguhan nilai dalam pembangunan dan agenda pembaharuan demi ekonomi global yang berdaya tahan, di samping menerapkan penyelesaian inovatif dan perkongsian yang kukuh dalam kewangan Islam untuk memacu pertumbuhan dalam bidang perdagangan halal, rangkaian infrastruktur dan pembangunan tenaga mahir. Secara khusus, forum tersebut menyaksikan pertukaran Memorandum Kerjasama (Memorandum of Collaborations, MOC) antara Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Finance Centre Leadership Council, MLC) dengan wakil industri[7] dari Indonesia, Hong Kong, Türkiye dan UK. MOC ini menggalakkan inovasi produk, menggalakkan aktiviti perdagangan dan kewangan serta menyokong pembinaan keupayaan dan pendidikan dalam ekosistem kewangan Islam. Forum ini juga menyaksikan pemeteraian Perjanjian Induk Murabahah antara Islamic Development Bank (IsDB) dengan institusi kewangan Islam tempatan untuk memudahkan penempatan dana merentasi institusi dan memperkukuh rangkaian pelaburan.

BNM juga telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Centralised Shariah Authorities Forum (CSAF) yang Keempat di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah membincangkan tadbir urus CSAF untuk meningkatkan kewibawaannya sebagai sumber rujukan utama pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan, badan pengeluar fatwa global dan organisasi penetapan piawai antarabangsa.

[4] Maklumat lanjut tentang usaha kelestarian BNM pada tahun 2024 boleh dibaca dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

[5] *Versi 1* ASEAN Taxonomy menyediakan rangka kerja keseluruhan ASEAN Taxonomy. *Versi 2* terdiri daripada; (a) Rangka Kerja Asas lengkap yang meliputi metodologi terperinci untuk menilai kegiatan ekonomi; dan (b) Kriteria Saringan Teknikal (Technical Screening Criteria, TSC) untuk sektor tumpuan pertama, iaitu sektor Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Penyaman Udara (sektor Tenaga) di bawah Piawaian Lanjutan (Plus Standard). Matlamat TSC adalah untuk menyediakan rangka kerja umum bagi mengelaskan kegiatan ekonomi yang mampan di rantau ASEAN. Maklumat lanjut tentang ASEAN Taxonomy boleh dibaca dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

[6] Maklumat lanjut tentang agenda kewangan Islam BNM boleh dibaca dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

[7] Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah Indonesia (KNEKS), Hong Kong Trade Development Council (HKTDC), Finance Office of the Presidency of the Republic of Türkiye (CBFO) dan Islamic Finance Council UK (UKIFC).

Kewangan Islam memainkan peranan yang penting untuk menghijaukan ekonomi. Untuk tujuan ini, BNM telah melancarkan program rintis Penghijauan Perniagaan Halal (Greening Halal Businesses, GHB), dengan kerjasama antara Kementerian Kewangan Malaysia, IsDB dan World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub di Malaysia. Program rintis GHB ini menyokong usaha penghijauan dalam kalangan perniagaan halal dalam negeri, terutamanya untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Program ini bertujuan untuk memastikan PKS akan terus berdaya saing dalam rantaian bekalan halal global.

Dari sudut pengawalseliaan, BNM terus menyokong penyelarasan piawaian kehematan Islam pada peringkat global. BNM aktif menyertai seminar dan bengkel peringkat tinggi serta berkongsi pengalaman dalam pembangunan piawaian Islamic Financial Services Board (IFSB) berkaitan dengan pengurusan risiko takaful dan pembangunan instrumen pengurusan risiko. BNM menyumbang kepada penerbitan laporan perdana IFSB mengenai Islamic Financial Services Industry Stability Report 2024.[8] Kesemua usaha ini sangat penting dalam membentuk peraturan yang mantap dalam kalangan institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. Selanjutnya, BNM akan menjalankan usaha berterusan untuk menyokong agenda strategik IFSB sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif IFSB[9] bagi tempoh 2025-2026. Pada peringkat pasaran kewangan Islam, BNM terus menyokong matlamat International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM) dalam menyediakan instrumen kewangan patuh Syariah bagi pengurusan mudah tunai rentas sempadan yang berkesan untuk kegunaan pasaran. Bagi tujuan ini, BNM menyokong usaha IILM ke arah mencapai pertumbuhan aset yang lebih mampan menerusi kejayaan penyempurnaan inisiatif strategik untuk meningkatkan hasil Program Sukuk IILM daripada USD4 bilion kepada USD6 bilion. BNM turut memberikan pandangan dan mengesyorkan strategi pembangunan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan jangkauan pasaran IILM.[10]

Memacu Kepimpinan dalam Pendigitalan

BNM juga terus berusaha untuk mencapai kemajuan dan kerjasama antarabangsa dalam pendigitalan sektor kewangan. Secara keseluruhannya, usaha ini menghasilkan rangkaian serantau yang lebih kukuh, peningkatan saling boleh kendali (*interoperability*) sistem pembayaran, kepelbagaian infrastruktur pembayaran digital dan mengukuhkan kesiapsiagaan digital Malaysia.[11]

Jalinan pembayaran QR rentas sempadan antara Malaysia dengan Kemboja telah dilancarkan oleh BNM dan National Bank of Cambodia pada tahun 2024.[12] Selain jalinan dua hala, BNM juga menyokong usaha BIS Innovation Hub berkenaan Projek Nexus, sebuah inisiatif untuk membangunkan infrastruktur rangkaian pembayaran pelbagai hala dengan menghubungkan sistem pembayaran segera negara-negara yang menyertainya. Pada bulan Jun 2024, satu pelan hala tuju terperinci telah dilengkapkan dan diterbitkan sebagai usaha untuk merealisasikan pelaksanaan Projek Nexus secara langsung. Pada peringkat ASEAN, BNM dan negara anggota penandatangan telah mengalu-alukan penandatanganan MOU Rangkaian Pembayaran Serantau (Regional Payment Connectivity, RPC)[13] oleh Bank Pusat Brunei Darussalam dengan Bank of the Lao PDR. Matlamat inisiatif RPC ini adalah untuk membolehkan pembayaran dibuat di seluruh negara anggota ASEAN secara lebih pantas, lebih murah, lebih inklusif dan telus. Usaha ini menekankan komitmen Malaysia dalam mewujudkan sistem pembayaran rentas sempadan yang lebih inklusif dan cekap untuk memajukan rangkaian pembayaran di seluruh rantau.

Selain itu, BNM juga terlibat secara aktif dalam inisiatif yang diterajui oleh BIS Innovation Hub untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan dengan memanfaatkan teknologi baharu. Inisiatif ini juga melibatkan kerjasama dengan bank-bank pusat lain.

[8] Laporan ini memberikan penilaian menyeluruh tentang pertumbuhan, pembangunan, daya tahan dan prospek masa hadapan industri kewangan Islam global.

[9] Jawatankuasa Eksekutif bertindak sebagai penasihat Majlis IFSB (yang terdiri daripada para Gabenor ahli pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan yang menganggotai majlis ini) tentang hal ehwal strategik dan memantau operasi pentadbiran, termasuk prosedur kewangan, pelan pembiayaan dan peraturan pekerja.

[10] Antara sumbangan BNM ialah menyokong perumusan strategi untuk meningkatkan skala IILM dan inisiatif pembangunan seperti inisiatif kertas kerja transaksi aset dan pempelbagaian peniaga utama (*primary dealers*).

[11] Maklumat lanjut tentang usaha pendigitalan BNM pada tahun 2024 boleh dibaca dalam bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Kiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

[12] Negara lain yang juga telah mewujudkan jalinan yang sama dengan Malaysia ialah Indonesia, Singapura dan Thailand.

[13] RPC melibatkan kerjasama untuk melaksanakan rangkaian pembayaran rentas sempadan bagi menyokong dan memudahkan perdagangan, pelaburan, pendalaman kewangan, kiriman wang, pelancongan dan kegiatan ekonomi lain secara rentas sempadan, di samping memupuk ekosistem kewangan yang lebih inklusif di rantau ini. Setakat ini, lapan daripada sepuluh negara anggota ASEAN merupakan ahli inisiatif RPC, iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Brunei dan Laos.



Pertukaran MoU pada 27 Februari 2024 antara Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour dengan Gabenor National Bank of Cambodia (NBC) Chea Serey disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Kerajaan Cambodia, Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet. MoU ini menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara BNM dengan NBC serta menjadi acara awal sebelum pelancaran jalinan pembayaran QR rentas sempadan pada 19 September 2024.

Menyedari tahap pembangunan dan inovasi yang berbeza di rantau ini, BNM juga menyertai inisiatif perkongsian pengetahuan dengan bank-bank pusat lain untuk menangani trend yang semakin bercambah dan cabaran dalam pendigitalan. Langkah ini termasuk perkongsian pengetahuan tentang aset digital, platform berbilang CDBC dan risiko serta peluang dalam AI.

Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Jenayah Kewangan

BNM kekal komited untuk membanteras pengubahan wang haram, penipuan dan pembiayaan keganasan. Sebagai anggota Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) dan Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG), BNM menyokong inisiatif semasa dan keutamaan strategik kedua-dua platform untuk memperkukuh rejim AML/CFT/CPF[14] di rantau ini. BNM aktif menyertai penilaian bersama rakan sejawat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh negara anggota untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan. Sebagai tuan rumah APG Typologies Workshop pada tahun 2024, BNM memudahkan pertukaran pengetahuan dalam memerangi penyalahgunaan entiti sah dan penipuan yang dijana oleh siber (*cyber-enabled fraud*). Secara keseluruhannya, BNM memainkan peranannya secara aktif dalam usaha mengukuhkan kerjasama serantau bagi menangani jenayah kewangan dan memastikan keselarasan amalan Malaysia dengan amalan terbaik global.[15]

Langkah Selanjutnya

Tatkala ekonomi dunia terus mengharungi cabaran semasa, BNM akan terus memanfaatkan libat urus dan kerjasama antarabangsa untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia dan menggalakkan pembangunan mampan. Secara khusus, sejajar dengan tema Keterangkuman dan Kemampanan bagi Kepengerusian ASEAN di Malaysia, BNM akan terus melaksanakan inisiatif utama termasuk memacu akses pembiayaan projek hijau yang berdaya maju di rantau ini dan memupuk rangkaian pembayaran pantas yang inklusif dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Sebagai pengerusi bersama ASEAN+3 Finance Process, Malaysia akan berusaha untuk mencapai kemajuan yang bermakna dalam peralihan CMIM ke arah model modal berbayar bagi meningkatkan keberkesanan dan kesiapsiagaan rantau ini apabila berhadapan dengan kejutan ekonomi pada masa hadapan. Kemajuan ini termasuk menjalankan penyelidikan dan memacu pertukaran idea tentang model modal berbayar yang terbaik dan bersesuaian dengan rantau ini.

[14] Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Anti-Money Laundering, AML), Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Countering Financing of Terrorism, CFT), dan Pencegahan Pembiayaan Percambahan (Countering Proliferation Financing, CPF).

[15] Maklumat lanjut mengenai usaha BNM pada tahun 2024 boleh dibaca menerusi bab "Mengekalkan Integriti Kewangan".